

Dua empangan berada paras bahaya

Kuala Lumpur: Dua empangan berada pada paras bahaya manakala satu empangan lagi menunjukkan tahap membimbangkan apabila jumlah kapasiti air di empangan terbabit semakin berkurangan.

Berdasarkan laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), dua empangan pada tahap bahaya ialah Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Bukit Kwong, Kelantan.

Empangan pada tahap membimbangkan pula adalah Empangan Padang Saga, Kedah.

Menurut laman web JPS itu, paras minimum bagi Empangan Bukit Merah adalah 6.40 meter (m) manakala takungan semasa empangan itu sebanyak 6.23 m.

Bagi Empangan Bukit Kwong pula, takungan semasa ialah 12.67 m menghampiri paras minimum 12.20 m.

Takungan semasa bagi Empangan Padang Saga pula se-

banyak 18.16 m melepasi tahap minimum 18.50 m.

Sementara itu, berdasarkan data suhu MetMalaysia yang dikeluarkan sehingga kelmarin, sembilan kawasan mencatatkan bacaan suhu maksimum pada tahap berjaga-jaga dan isytihar gelombang haba.

Ia membabitkan Batu Embun di Jerantut, Pahang dan Kuala Krai, Kelantan (37.6 darjah Celsius), Temerloh (35.7 darjah Celsius), Kota Bharu

(35.1 darjah Celsius), Senai (35.6 darjah Celsius), Muadzam Shah (35.5 darjah Celsius), Mersing (35.5 darjah Celsius), Batu Pahat (35.4 darjah Celsius) dan Limbang (36.3 darjah Celsius).

Berdasarkan pemantauan cuaca, suhu melebihi 37 darjah Celsius yang dicatatkan di beberapa kawasan sebelum ini mula merekodkan bacaan menurun.

Ia disebabkan negara sudah berada dalam musim

Info

KAPASITI AIR EMPANGAN DI MALAYSIA



EMPANGAN	NEGERI	PERATUSAN
1. Machap.....	Johor	73.24
2. Sembrong.....	Johor	82.54
3. Bekok.....	Johor	52.32
4. Labong.....	Johor	100
5. Padang Saga.....	Kedah	38.52
6. Beris.....	Kedah	39.66
7. Bukit Kwong.....	Kelantan	7.81
8. Pedu.....	Mada	67.40
9. Ahning.....	Mada	75.16
10. Muda.....	Mada	42.08
11. Anak Endau.....	Pahang	63.72
12. Timah Tasoh.....	Perlis	37.84
13. Ulu Kinta.....	Perak	90.60
14. Bukit Merah.....	Perak	18.10
15. Langat.....	Selangor	65.33
16. Sungai Selangor.....	Selangor	71.63
17. Tasik Subang.....	Selangor	100
18. Sungai Tinggi.....	Selangor	90.15
19. Semenyih.....	Selangor	59.82
20. Batu.....	WP KL	71.63
21. Klang Gate.....	WP KL	71.09

Sumber: <http://infokemarau.water.gov.my>

peralihan dan cuaca didapati lebih lembap kerana berlaku hujan dan ribut petir di se-

belah petang serta membantu menambah bekalan air di kawasan empangan.

FAKTA
Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Bukit Kwong berada pada paras kritikal